



### IKLAN PELAWAAN PENSWASTAAN PENGURUSAN OPERASI

Syarikat/Individu adalah dipelawa untuk menyewa dan menguruskan premis di Taman Botanikal, Ayer Keroh seperti di senarai berikut :-

BIL.	NAMA DAN LOKASI	KEKOSONGAN	JENIS PERNIAGAAN
1.	KAMPUNG BUKU, TAMAN BOTANIKAL	1	Pengurusan Bangunan Kampung Buku
2.	FORESTAY, TAMAN BOTANIKAL	1	Pengurusan Forestay Taman Botanikal

#### SYARAT-SYARAT PERMOHONAN MENGURUSKAN PREMIS

1. Pemohon mestilah Warganegara Malaysia, berumur 18 tahun ke atas.
2. Pemohon boleh mengemukakan surat tunjuk minat beserta borang permohonan untuk menguruskan premis Taman Botanikal di kaunter Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya **bermula dari 13 Disember 2023**.
3. Pemohon boleh mendapatkan borang permohonan di kaunter Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya atau memuat turun borang permohonan dari Portal Rasmi MPHTJ iaitu <http://www.mphjtj.gov.my> (Muat Turun Borang > Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta > Borang Permohonan Sewaan Gerai/Kiosk/Pasar).

4. Surat tunjuk minat hendaklah dihantar ke Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPHTJ bersama-sama dengan dokumen berikut :-
- a. **1 salinan Kad Pengenalan pemohon dan saksi (suami / isteri @ ibu / bapa)**
  - b. **Profil Syarikat dan cadangan dari pihak Syarikat yang mengandungi perkara-perkara berikut dalam bentuk hardcopy dan softcopy (CD) :-**
    - i. Cadangan Kadar Sewa
    - ii. Cadangan Menaiktaraf
    - iii. Akviti/Program yang akan dilaksanakan
    - iv. Tempoh sewaan/operasi
  - c. **1 salinan Penyata Kewangan** yang terkini bagi 3 bulan yang terakhir
  - d. **1 salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan / Syarikat (jika ada)**
  - e. Lain-lain dokumen sokongan bagi menyokong permohonan (jika ada)

**PIHAK MAJLIS BERHAK MENOLAK PERMOHONAN YANG TIDAK LENGKAP**

1. Pemohon perlu membuat bayaran proses permohonan sebanyak **RM10.00 untuk setiap satu permohonan** secara tunai atau menggunakan wang pos semasa penyerahan semula borang permohonan. Segala perbelanjaan yang berkaitan dengan permohonan ini tidak akan ditanggung oleh pihak Majlis.
2. Tarikh tutup permohonan adalah pada **08 JANUARI 2024**. Pemohon yang tidak menerima maklumbalas selepas **dua (2)** bulan dari sesi pembentangan adalah dianggap tidak berjaya.
3. Segala pertanyaan boleh berhubung terus dengan Puan Nur Ain Syazwani Binti Jamaludin atau Encik Kishok A/L Selvarajo di Bahagian Pengurusan Harta, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya di talian **06-2323773 sambungan 310 / 326**.
4. Pemohon yang telah menghantar borang permohonan, akan dihubungi melalui telefon untuk menghadiri sesi pembentangan cadangan dari pihak syarikat.



**(Sr. ZULHANIZAH BINTI BAKATAR)**  
b/p Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.